

Pengurus kediaman ganti amah

Metreo, 1 Julai '09 P. 3

Oleh **AMMAR JALAN MAD LELA**
ammarjazlan.madlela@
kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Kerajaan akan memperluaskan latihan pembantu rumah di kalangan rakyat tempatan sebagai alternatif untuk mengelakkan kebergantungan terhadap pekerja warga negara asing seperti sekarang.

Bagaimanapun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Senator Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata, rakyat tempatan yang terlibat tidak digelar pembantu rumah atau amah tetapi digelar pengurus kediaman.

Pada peringkat awal menurutnnya, seramai 157 orang telah menjalani latihan di bawah seliaan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) untuk mengisi jawatan tersebut.

"Ini merupakan projek perintis yang dimulakan di beberapa negeri sejak Januari lalu dan mulai Ogos ini kita akan mem-



PERGANTUNGAN kepada pembantu rumah warga asing mungkin dapat diatasi dengan adanya pengurus kediaman. - Gambar hiasan

perluaskannya di seluruh negara berikutan wujud keperluan dan permintaan," katanya.

Beliau berkata demikian se-

lepas menghadiri sesi dialog bersama lebih 80 pertubuhan wanita badan bukan kerajaan di kementerianannya di sini semalam.

Tambah Shahrizat, kelayakan bagi pengurus kediaman berkenaan terbuka kepada rakyat Malaysia yang mempunyai tahap pendidikan sekurang-kurangnya Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Pada masa yang sama kita mewajibkan mereka menjalani latihan selama dua minggu kerana mereka bukan sahaja bekerja menguruskan rumah tangga malah turut menjaga anak-anak majikan dan perlu diberi kemahiran asas berhubung beberapa aspek," ujarnya.

Bagaimanapun Shahrizat memberitahu, pihaknya belum memutuskan berhubung soal gaji golongan berkenaan dan kemungkinan ia ditetapkan mengikut pasaran semasa.

"Mana-mana pihak yang berminat menjadi pembekal perkhidmatan atau ingin mengetahui khidmat yang disediakan boleh menghubungi JPW untuk keterangan lanjut," katanya.